

OPS GEMPUR HARI KEDUA BILANGAN 8/2021 JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI MELAKA

26 OGOS 2021, MELAKA - Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka telah melaksanakan Ops Gempur Bil 8/2021 di beberapa jenis industri di sekitar negeri Melaka.

Hasil pemeriksaan ke premis yang ditetapkan dimana dilesenkan oleh Jabatan Alam Sekitar iaitu sebuah premis yang berasaskan industri separa pemerolehan kembali (partial recovery) buangan terjadual dan sebuah premis berasaskan pemerolehan kembali penuh (full recovery) buangan terjadual masing-masing mematuhi Peraturan-Peraturan yang ditetapkan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974.

Sebaliknya sebuah premis fleet operator telah didapati melakukan beberapa kesalahan dimana ia dikenakan tiga (3) tawaran kompaun, 1 field citation dan 1 Notis Arahan bagi Ops Gempur yang dijalankan pada hari ini.

Kesemua premis yang beroperasi mematuhi SOP dibawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Akta 342) dengan menyediakan scan kod MySejahtera, alat pengimbas suhu dan lain-lain.

Jabatan Alam Sekitar tetap komited walau berhadapan pandemik dengan menjalankan operasi demi operasi dalam memastikan premis-premis yang menghasilkan pencemaran mematuhi undang-undang.

#KementerianAlamSekitarDanAir

#JabatanAlamSekitar

#jasnegerimelaka

#AlamSekitarTanggungjawabBersama